From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: IPIZ UUM TINJAU PELAKSANAAN PROJEK SBBA SMART SAWAH LZNK BERSAMA BOUSTEAD PLANTATIONS
Date: Wednesday, 2 September, 2026 5:03:57 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

2 SEPTEMBER 2026 / 20 RABIULAWAL 1448H
==========

Gambar: Dr. Amirul Haqeem
Berita: Dr. Mohd Murshidi Mohd Noor


IPIZ UUM TINJAU PELAKSANAAN PROJEK SBBA SMART SAWAH LZNK BERSAMA BOUSTEAD PLANTATIONS



UUM ONLINE: Kedah, 2 September 2926 – Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadakan lawatan ke Projek SBBA Smart Sawah, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bagi meninjau pelaksanaan inisiatif pertanian pintar yang dilaksanakan dengan penglibatan Boustead Plantations Berhad.

Delegasi IPIZ UUM terdiri daripada Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Majid, Dr. Mohd Murshidi Mohd Noor dan Dr. Amirul Haqeem.

Lawatan berkenaan memberi peluang kepada delegasi untuk melihat secara dekat pelaksanaan Projek SBBA Smart Sawah serta mendapatkan penerangan mengenai pengurusan, operasi dan pendekatan pertanian moden yang digunakan dalam usaha meningkatkan produktiviti serta keberkesanan pengurusan sawah.



Delegasi turut mengadakan perbincangan bersama pihak Boustead Plantations Berhad mengenai pelaksanaan projek serta potensi kerjasama strategik yang boleh diterokai antara universiti, institusi zakat dan pihak industri.

Menurut Dr. Mohd Murshidi, lawatan lapangan seperti ini penting bagi membolehkan penyelidik memahami pelaksanaan sebenar sesuatu projek, selain menilai aspek yang boleh diperkukuh dari sudut penyelidikan, tadbir urus dan pembangunan model yang memberi impak kepada golongan sasaran.

“IPIZ bukan sahaja memberi perhatian kepada aspek teoritikal berkaitan zakat, malah berusaha menghubungkan penyelidikan dengan realiti pelaksanaan di lapangan. Kerjasama dengan LZNK dan pihak industri membolehkan kepakaran akademik dimanfaatkan dalam membangunkan model yang lebih praktikal, mampan dan berimpak,” katanya.



Lawatan itu juga menjadi platform untuk memperkukuh jaringan kerjasama antara UUM, LZNK dan Boustead Plantations Berhad, khususnya dalam penerokaan pendekatan inovatif bagi memanfaatkan dana dan instrumen kewangan sosial Islam untuk pembangunan ekonomi masyarakat.

Pelaksanaan SBBA Smart Sawah dilihat mempunyai potensi untuk menjadi antara model pembangunan pertanian yang menggabungkan elemen pemerkasaan ekonomi, pengurusan profesional, teknologi serta kerjasama strategik antara institusi zakat, akademia dan industri.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.